

PENGAMBILAN TERUS PELAJAR LEPASAN PASUM UNTUK KEMASUKAN KE PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH PERTAMA UNIVERSITI MALAYA SESI 2019/2020

Pelawaan dibuka kepada pelajar berdaftar program Asasi Sains Hayat dan Asasi Sains Fizikal Universiti Malaya untuk memohon kemasukan ke program pengajian Ijazah Pertama Sesi 2019/2020.

MAKLUMAT PENTING

Tarikh Permohonan : **22 Februari 2019 (mulai jam 5.00 petang)**
Dibuka

Tarikh Permohonan : **2 April 2019 (jam 2.00 petang)**
Ditutup

Program Pengajian : Program pengajian Ijazah Pertama di
Yang Ditawarkan fakulti berikut:

- (1) Fakulti Alam Bina
- (2) Fakulti Kejuruteraan
- (3) Fakulti Pergigian
- (4) Fakulti Perubatan
- (5) Fakulti Sains
(Kecuali program **Sarjana Muda Sains Dengan Pendidikan**)
- (6) Fakulti Sains Komputer & Teknologi
Maklumat

Syarat permohonan : Memenuhi Syarat Am Universiti dan Syarat Khas Program yang dipohon

(berdasarkan keputusan peperiksaan semester I, sesi 2018/2019)

MAKLUMAT AM

1. Semakan program serta syarat khas program boleh diakses melalui laman web berikut:

(1)<https://www.um.edu.my>

(2)<https://online.mohe.gov.my/upu/epanduan/>

2. Pelajar hanya wajib mengisi program pilihan pertama sekiranya pelajar hanya berminat dengan satu program sahaja. Pelajar tidak perlu mengisi program pilihan kedua atau ketiga
3. Walau bagaimanapun, UM boleh menawarkan mana-mana program pilihan kedua dan ketiga sekiranya maklumat berkenaan diisi oleh pelajar tertakluk kepada pelajar memenuhi syarat khas program serta kekosongan tempat.
4. **Pelajar yang berjaya ditawarkan pengajian di UM bagi kemasukan melalui saluran autonomi UM akan dikeluarkan dari data UPU. Pelajar tidak akan mendapat tawaran daripada mana-mana UA lain.**
5. Sekiranya pelajar masih berminat untuk meneruskan pengajian di Universiti Malaya, pelajar dinasihatkan untuk mengisi permohonan UPU *online* dan meletakkan UM sebagai pilihan pertama. Pelajar masih berpeluang untuk ditawarkan program pengajian di UM sekiranya masih ada kekosongan tempat.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat dengan menghubungi
Seksyen Kemasukan & Pendaftaran (SKP) di talian 03-79673448/
3502/3280

atau

datang berurusan di kaunter SKP

atau

Pejabat Am, Pusat Asasi Sains (PASUM) di talian
03-79675849/5822/5818